



## MKN perkenal 'COMSEC' tingkat keselamatan negara

Ogos 23, 2022 @ 3:27pm



Rodzi menyampaikan taklimat program Literasi Dasar Keselamatan Negara 2021-2025 : Wacana Pembentukan Minda Keselamatan hari ini. - Foto Bernama

ALOR SETAR: Majlis Keselamatan Negara (MKN) memperkenal pendekatan baharu merangkumi konsep 'Keselamatan Menyeluruh' atau 'Comprehensive Security' (COMSEC) dalam usaha meningkatkan lagi keselamatan Malaysia.

Ketua Pengaruhnya, Datuk Rodzi Md Saad, berkata ia satu doktrin baharu yang membolehkan tanggungjawab memelihara keselamatan negara dipikul seluruh jentera kerajaan dan segenap lapisan masyarakat secara proaktif.

"Konsep keselamatan menyeluruh ini kita bawa selepas melihat keselamatan bukan lagi dari aspek berkaitan polis dan askar semata-mata. Ia sebenarnya luas, apabila berlaku pandemik COVID-19, ia mengancam keselamatan kita tetapi sudah tentu tidak berkait dengan ketenteraan atau kedaulatan. Itu ancaman kesihatan."

"Beginu juga jika kita lihat isu bekalan ayam dan minyak masak, ini keselamatan makanan. Rakyat jadi tertekan dan gelisah sebab bimbang bekalan ayam tidak cukup," katanya selepas Program Literasi Dasar Keselamatan Negara 2021-2025: Wacana Pembentukan Minda Keselamatan di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, Rodzi berkata, ketika ini, pelaksanaan konsep keselamatan berada pada fasa permulaan membabitkan sesi penerangan kepada agensi kerajaan di negeri untuk memberi kefahaman kepada pihak berkenaan melalui program turun padang seperti program literasi dasar hari ini.

"Kita perlu jelaskan kepada setiap rakyat, kita mulakan dengan agensi kerajaan dulu. Ini program turun padang untuk perjelaskan kepada agensi kerajaan pada peringkat negeri, kemudian di universiti, pemimpin masyarakat, belia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Kita adakan secara menyeluruh," katanya.

Beliau berkata, konsep itu akan dilaksanakan sepenuhnya pada 2023 oleh pihak kementerian mengikut teras masing-masing yang akan dipantau MKN melalui satu jawatankuasa bagi melihat perubahan tingkah laku masyarakat.

"Kita ada falsafah dan teras, jadi kementerian lihat tanggungjawab mereka pada teras mana. Jika Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), ia dalam teras keselamatan insan sebab ada komponen keselamatan makanan di situ."

"Jadi, MAFI akan laporkan semula program yang mereka lakukan kepada kita untuk dilihat dan bincang semula sekiranya perlu buat penyesuaian. Begitu juga dengan kementerian lain," katanya. – BERNAMA